

UCAPAN ALUAN
Y.BHG BRIGEDIER JENERAL PROFESOR DATUL SERI PANGLIMA
DR KAMARUZAMAN HJ AMPON
NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
SEMPENA PENUTUPAN MINGGU KESELAMATAN JALANRAYA
PERINGKAT NEGERI SABAH 2010

Terima kasih pengacara majlis.

Y.Bhg Datuk Iliyas Ibrahim

Mayor / Datuk Bandar
Dewan Bandaraya Kota Kinabalu

Y.Bhg Brig Jen Datuk Masrani bin Paiman

Panglima Briged KeLima Infanti Malaysia, Kem Lokawi

Y.Bhgia DCP Datuk Noor Rashid Ibrahim

Pesuruhjaya Polis Sabah

Y.Bhg Tuan Jahi Mohd Suhaili bin Mohd Taufik

Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Sabah

Yang Berusaha En. Yeo Boon Hai

Ketua Pengarah
Dewan Bandaraya Kota Kinabalu
Merangkap Pengerusi Pemadam Bandaraya

Yang Berusaha En. Joannes Solidau

Timbalan Ketua Pengarah Operasi Dewan Bandaraya Kota Kinabalu

En. Herdiansah Abdul Karim,

Pengarah Jabatan Keselamatan Jalan Raya Sabah
Merangkap Setiausaha Majlis Keselamatan Jalan Raya Sabah

Yang Berusaha En. Bahari Hassan

Timbalan Ketua Pengarah Korporat Dewan Bandaraya Kota Kinabalu

Yang Berusaha Puan Faradillah Haji Abdul Rani

Pengarah Jabatan Hal Ehwal Korporat

Merangkap Pengerusi Penganjur Program Minggu Keselamatan Jalanraya

Peringkat Bandaraya Kota Kinabalu 2010

Radio Suria FM, selaku Radio Rasmi Program Program Minggu

Keselamatan Jalanraya Peringkat Bandaraya Kota Kinabalu 2010

Ahli-ahli Majlis Keselamatan Jalan Raya Sabah

Dif-dif jemputan

Dan hadirin-hadiran sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat pagi, salam sejahtera dan salam 1Malaysia

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan izin-Nya maka kita dapat bersama-sama pada hari ini di Majlis Penutupan Minggu Keselamatan Jalan Raya Sedunia Peringkat Negeri Sabah 2010. Bagi pihak universiti saya amat mengalu-alukan kehadiran Yang Berbahagia Datuk-Datuk, Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan ke majlis yang amat bermakna ini.

Ucapan penghargaan dan setinggi-tinggi terima kasih juga ditujukan kepada Y.Bhg. Datuk Iliyas Ibrahim, Mayor Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK); Y.Bhg Brig Jen Datuk Masrani Paiman, Panglima Briged KeLima Infanti Malaysia Kem Lokawi; Y.Bhgia DCP Datuk Noor Rashid Ibrahim Pesuruhjaya Polis Sabah dan Y.Bhg Tuan Jahi Mohd Suhaili Mohd Taufik, Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Negeri Sabah atas kehadiran dan pemilihan Universiti Malaysia Sabah (UMS) sebagai *venue* penutupan untuk program yang sangat bermanfaat ini. Kepercayaan jawatankuasa dalam memilih UMS merupakan suatu penghargaan yang amat bermakna kepada seluruh warga UMS.

Dikesempatan ini juga, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih atas kerjasama padu oleh seluruh pihak yang terlibat samada secara langsung atau tidak langsung dalam usaha meningkatkan kesedaran keselamatan jalan raya, khususnya dikalangan mahasiswa mahasiswi Institusi Pengajian Tinggi Awam sekaligus bersama-sama menjayakan Minggu Keselamatan Jalan Raya Sedunia Peringkat Negeri Sabah 2010.

Sesungguhnya komitmen dan kerjasama yang ditunjukkan dalam program ini telah membuahkan kejayaan yang besar untuk semua pihak. Kejayaan dalam pelaksanaan aktiviti ini adalah kejayaan bersama. Ianya harus dibanggakan kerana hubungan baik yang terjalin di kalangan pelbagai pihak adalah asas yang kukuh untuk menghasilkan kejayaan yang cemerlang. Hubungan positif dan kerjasama padu yang ditunjukkan ini juga membuktikan kesungguhan semua pihak dalam usaha mengurangkan peningkatan kadar kemalangan jalanraya.

Yang Berbahagia Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan, Hadirin & Hadirat Yang Dihormati Sekalian,

Penglibatan semua pihak terutamanya daripada Institusi Pengajian Tinggi di sekitar Sabah sepanjang Minggu Keselamatan Jalan Raya Sedunia Peringkat Negeri Sabah 2010 ini sememangnya amatlah dialu-alukan. Ianya kerana melalui program ini pelbagai input dan informasi berguna boleh dikongsi bersama dan diadaptasikan dalam kehidupan seharian. Sebagai contoh, Laporan Status Global Pertubuhan Kesihatan Sedunia mengenai keselamatan jalan raya di Malaysia kini berada pada kedudukan ke – 46 daripada 172 negara di seluruh dunia. Pendedahan fakta

seumpama ini akan memberi kesedaran kepada seluruh penduduk Malaysia khususnya penduduk yang tinggal di negeri Sabah untuk lebih peka terhadap keselamatan jalan raya. Walaupun berada pada kedudukan ke – 46 namun itu tidak bermakna kita perlu mengabaikan dan tidak ambil peduli akan perihal keselamatan sebagai pengguna.

Selain itu, penyertaan wakil- wakil IPT dalam Bengkel Keselamatan Jalan Raya “Voice of The Youngest” yang diadakan sempena program ini juga dapat memberi pendedahan dan memberi peluang kepada golongan muda mengupas isu ini dengan lebih lanjut. Mereka boleh berbincang dan mencari jalan penyelesaian mengenai langkah-langkah pengurangan kadar kemalangan jalanraya yang kini menunjukkan peratusan tertingginya adalah terdiri daripada golongan muda.

Saya juga percaya, program yang berlangsung selama seminggu ini turut memberi impak yang besar kepada masyarakat khususnya kepada mahasiswa dan mahasiswi UMS. Penganjuran taklimat dan pameran berkenaan keselamatan jalan raya sudah pastinya mampu memberi input dan sumber rujukan yang boleh dipatuhi oleh masyarakat agar mampu menghindarkan diri daripada terlibat dalam kemalangan.

Sebagai makluman para hadirin sekalian, unjuran terkini Statistik kemalangan Jalan Raya 2010 di Malaysia mencatatkan bahawa penunggang motosikal merupakan pengguna yang paling tinggi terlibat dalam kemalangan jalan raya. Justeru, langkah yang lebih efektif dan proaktif juga perlu dilaksanakan dalam usaha menangani masalah kemalangan yang melibatkan golongan ini. Sehubungan itu, sempena minggu keselamatan jalan raya pada tahun ini, program Pertukaran Topi Keledar Lama juga merupakan salah satu inisiatif yang diambil untuk membantu mengurangkan kadar kemalangan yang melibatkan penunggang dan pembonceng motosikal. Mereka dibekalkan topi keledar baru yang mencapai tahap piawaian keselamatan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa.

Yang Berbahagia Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan,

Minggu Keselamatan Jalan Raya Sedunia 2010 yang berlangsung selama 1 minggu ini bukan hanya menjurus kepada bengkel, pameran dan taklimat semata-mata, tetapi juga padat dengan pelbagai aktiviti dan rancangan-rancangan seperti Kuiz Keselamatan Jalan Raya di Suria FM, Pendaftaran Rakan Keselamatan Jalan Raya (Rakan KJR), Program Pendidikan Lalulintas SHELL 2010, selain Lawatan Ke Wad Neurosurgery Hospital Queen Elizabeth

serta Perlantikan Duta Keselamatan Jalan Raya yang akan kita saksikan sebentar sahaja lagi. Program ini juga memberi peluang kepada masyarakat khususnya warga Institusi Pengajian Tinggi untuk turut serta memberi idea dan menyuarakan pendapat dalam usaha untuk menangani masalah keselamatan jalan raya yang kian menjadi isu hangat pada era ini. Sesungguhnya pendapat yang diutarakan boleh dijadikan sebagai coretan ilmu yang boleh dikongsi dan dijadikan panduan bersama. Selain itu, secara tidak langsung melalui program seperti ini juga sekaligus dapat menerapkan semangat perpaduan dan kerjasama yang lebih utuh di kalangan masyarakat pelbagai peringkat di Negeri Di Bayu ini. Sesungguhnya kerjasama seperti ini dapat mencerminkan kepada dunia luar betapa pekanya mahasiswa dan prihatinnya pihak kementerian untuk mengembangkan ideologi dalam konteks keselamatan dan pembangunan prasarana jalan raya.

Yang Berbahagia Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan,

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam memastikan program ini dapat berjalan dengan lancar. Semoga kerjasama ini akan terus berkekalan dalam memberikan impak yang positif untuk menangani isu

keselamatan jalanraya termasuk pengurangan kadar kemalangan jalanraya di negara ini. Harapan saya agar program seumpama ini akan terus berlanjutan dan terus diadakan pada masa-masa akan datang. Untuk itu, Saya sudah ucapkan saya dengan Wabilahi Taufik Walhidayah Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian dan terima kasih